

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 1994/95

April 1995

STW312 - Teori dan Amalan Kerja Sosial

Masa: [3 jam]

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Semua bahagian mesti dijawab.

Bahagian A (30%)

Soalan ini wajib dijawab.

1. (a) Apakah model-model amalan kerja komuniti?
- (b) Bandingkan model Pembangunan Komuniti dan model Pengelolaan Komuniti.
- (c) Merujuk kepada contoh yang tertentu, huraikan pihak terlibat dan bagaimana model "Pengelolaan Komuniti" atau "Pembangunan Komuniti" diamalkan di Malaysia masa kini.

(30 markah)

Bahagian B (30%)

Jawab SATU (1) soalan sahaja.

2. Jelaskan jenis kumpulan pengelola komuniti yang dikemukakan oleh Karina David? Huraikan peranan dan tumpuan kerja komuniti yang dilakukan oleh setiap kumpulan pengelola?

(30 markah)

3. Bincangkan isu dan dilema yang dihadapi oleh pekerja komuniti yang berperihatin dari segi peribadi dan dari segi amalannya.

(30 markah)

...2/-

Bahagian C (40%)

Jawab DUA (2) daripada empat (4) soalan yang berikut.

4. Bincangkan jenis titik-permulaan dan kegunaan setiap satu jenis dalam kerja komuniti.
(20 markah)
5. Bincangkan kebolehgunaan penyedaran dan peningkatan kesedaran dalam kerja komuniti.
(20 markah)
6. Apakah makna definisi semula masalah sosial dari perspektif feminis? Huraikan aplikasinya dalam amalan kerja komuniti.
(20 markah)
7. Bezakan antara kerja komuniti yang mempunyai pandangan "establishment" (establishment view) dengan kerja komuniti yang mempunyai pandangan politik (political view).
(20 markah)

- oo oo oo -